

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

**TARIKH : 28.10.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan memandangkan Markas Angkatan Tugas Bersama 2 telah menunjukkan Bangsa Sulu Royal Army sebagai ancaman keselamatan di taklimat editor kanan media pada 10 Ogos 2008 di Kem Sri Wangsa, Sabah, apakah tindakan susulan telah diambil dari tahun 2008 hingga 2012 untuk menangani ancaman tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dari awal penubuhan Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (Markas ATB 2) pada tahun 2006 sehingga sekarang, Kerajaan secara amnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) secara khususnya sentiasa mengambil pelbagai langkah untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan di sepanjang pantai timur Sabah. Ancaman keselamatan oleh Kumpulan Militer Sulu telah disedari lebih awal sebelum 2008 lagi dan ianya dikategorikan sebagai ancaman dalam negeri. Maka di atas dasar itu PDRM telah bekerja rapat dengan ATM untuk menangani permasalahan tersebut.

Lanjutan dari itu juga bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di sepanjang pantai timur Sabah, ATM telah menempatkan pasukan-pasukan keselamatan di tempat-tempat strategik yang bukan sahaja untuk menangani ancaman dari Kumpulan Militer Sulu bahkan terhadap semua ancaman keselamatan yang mungkin terjadi.

ATM turut memperkembangkan jalinan kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan maritim yang lain seperti Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin dalam usaha membentasi segala anasir luar yang mengancam keselamatan negara. ATM juga telah membuat penambahan terhadap aset-aset pengawasan dan pengesanan bagi meningkatkan keberkesanan operasi yang

dilaksanakan. Di antara aset-aset yang dimaksudkan adalah seperti radar pengawasan, pesawat udara *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) dan bot-bot tempur yang digunakan untuk memintas sebarang pencerobohan yang memasuki perairan timur Sabah.